

## ISU-ISU REMAJA SUKA MELEPAK (Part 6)

Azizi Hj Yahaya

Sambungan..

Faktor terakhir yang akan dibincangkan adalah tiadanya identiti diri yang kuat. Tiadanya identiti diri yang kuat akan menimbulkan banyak implikasi yang sering dikaitkan dengan isu sosial seperti kecenderungan untuk mencipta identiti baru, kecenderungan kepada kelainan, masalah penggunaan masa senggang, ketandusan wawasan hidup, usaha mendapatkan publisiti, dan manifestasi atau sindrom sosial ketidakupayaan remaja menghadapi perubahan dan pemodenan dalam masyarakat yang begitu cepat berubah. Bermula dari perkara pokok yang menjadi tunjang wujudnya permasalahan ini iaitu tiadanya identiti diri yang kuat, remaja tersebut akan begitu mudah terpengaruh dengan keadaan sekeliling baik dari segi fizikal, mental ataupun rohani. Misalnya bermula dari pengaruh mahu kelihatan sama dengan rakan-rakan sebaya, seseorang itu cenderung untuk berpakaian dan mempunyai perilaku atau perlakuan yang hampir sama dengan kelompok rakan mereka kerana mahu mempunyai rasa kekitaan dan diterima oleh rakan. Oleh itu, timbullah masalah seperti remaja secara membuta-tuli menyertai kumpulan seperti kumpulan "Punk", "Gothik" dan sebagainya. Ini bertepatan dengan pendapat Ab. Alim (1994), yang menyatakan bahawa manusia merupakan makhluk yang mempunyai keinginan untuk berinteraksi dan membentuk kelompok sosial mereka sendiri. Malangnya tindakan yang tidak disertakan dengan fikiran dan timbangan yang wajar berlandaskan etika dan prinsip diri yang kukuh akan membuatkan seseorang remaja itu mudah terpengaruh. Apa yang mendukacitakan adalah apabila pilihan yang dibuat adalah salah kerana memberikan kesan negatif terhadap diri remaja tersebut. Ini adalah kerana biasanya kumpulan "Punk" dan "Gothik" yang dinyatakan di atas biasanya menjerumuskan remaja dengan anasir yang kurang sihat seperti budaya memberontak dengan berpakaian yang tidak bersesuaian dengan budaya timur dan mereka biasanya akan menghabiskan masa bersama-sama dengan ahli kumpulan yang lain dengan aktiviti yang tidak berfaedah dan wujudlah gejala melepak.

CONTINUE...